

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Kosmo mis 8 Negara 9/5/2025 (Jumaat)

Agihan peruntukan perlu adil

- PM mahu semua pihak faham kekangan dihadapi oleh kerajaan
- Boleh agih banyak, namun melibatkan peningkatan cukai

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, setiap kementerian dan jabatan mahu peruntukan lebih, namun perlu memahami kekangan yang dihadapi oleh kerajaan.

Beliau berkata, untuk Kementerian Kesihatan (KKM), beliau sering memaklumkan kepada Menteri, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad agar kakitangannya memahami dasar ekonomi makro yang dilaksanakan kerajaan dengan mengambil kira kepentingan semua aspek.

"Saya katakan pada Dzulkefly, beritahu pada kakitangan supaya bukan hanya tahu berkaitan penyakit tetapi juga memahami 'penyakit ekonomi', dasar ekonomi makro.

"Setiap kementerian, jabatan dan pusat penyelidikan tentunya mahu lebih peruntukan, tetapi kita perlu lihat sekolah, infrastruktur luar bandar, klinik



ANWAR (tengah) melakukan gimik perasmian CRM Trial Connect 2025 di Kuala Lumpur semalam. — FARIZ RUSADIO

dan hospital.

"Cabaran ini mesti ditangani dengan adil dan saksama selepas memahami kekangan yang ada. Pembuat polisi dalam kementerian perlu tahu apa boleh dan tidak

boleh untuk pelaksanaan paling efisien," katanya ketika berucap merasmikan majlis Clinical Research Malaysia (CRM) Trial Connect 2025 di sini semalam.

Katanya, kerajaan boleh

mengagihkan lebih banyak peruntukan, namun ini akan melibatkan peningkatan cukai, yang akhirnya bukan saja membebankan rakyat, tetapi juga golongan doktor.

Justeru katanya, kefahaman mengenai dasar ekonomi makro dan kekangan yang dihadapi kerajaan itu perlu ada.

Terdahulu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, CRM telah menyumbang lebih RM1.5 bilion kepada pendapatan kasar negara dan lebih 3,000 pekerjaan berkemahiran tinggi diwujudkan sejak 2012.

Menurut beliau, CRM perlu meneroka kerjasama lebih luas dengan negara anggota ASEAN dan institusi tempatan bagi menghasilkan penemuan baharu yang mampu mengurangkan kos perubatan serta sesuai dengan iklim serantau.

"Cabaran kita ialah untuk memastikan kos perubatan tidak melambung. CRM punya tugas besar dalam bidang penyelidikan klinikal dan ada sinergi dengan semua institusi penyelidikan.

"Dalam mesyuarat Majlis Sains Negara, saya memberikan arahan tiada satu institusi bekerja berasingan. Keberkesanan CRM mesti dilakukan dengan kerjasama semua institusi penyelidikan dan universiti tempatan.

"Dengan cara ini, kita akan memastikan hasilnya itu jauh lebih berkesan. Kita dapat melihat hasilnya sekarang, tetapi kita mahu strategi bersama ASEAN supaya kerjasama itu lebih dekat dan mantap," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian mls 6 Nasional 9/5/2025 (Jumaat)

Tingkat sinergi pastikan kos perubatan tidak melambung – Anwar

KUALA LUMPUR – Institusi penyelidikan perubatan di negara ini termasuk Clinical Research Malaysia (CRM) disaran meningkatkan sinergi dengan institusi penyelidikan di ASEAN bagi memastikan kos ubat-ubatan dapat dikurangkan manakala penemuan serta kajian ditingkatkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sinergi itu juga boleh memperkenalkan perubatan baharu yang bersesuaian dengan iklim serantau.

Beliau berkata, CRM juga perlu berkolaborasi dengan universiti tempatan khususnya fakulti perubatan bagi memastikan aspek penyelidikan diberikan tumpuan dan mendatangkan hasil terbaik untuk rakyat.

"Cabaran kita antara lain ialah memastikan kos perubatan tidak melambung kerana industri perubatan ini boleh membebankan, seperti yang kita lihat dan baca, syarikat-syarikat besar (meraih) keuntungan terlalu tinggi tanpa mereka fikir ia mem-

bebaskan pengguna.

"Kita mahu dalam strategi kerjasama ASEAN yang lebih dekat dan mantap dengan pusat penyelidikan utama seperti dari Phnom Penh, Vientiane, Singapura, Jakarta, Bangkok, Manila dan sekitarnya dapat menjayakan kajian dan penyelidikan," katanya pada perasmian CRM Trial Connect Conference 2025 di sini pada Khamis.

Menyoroti sekitar era 70-an, Anwar berkata, institut penyelidikan perubatan (IMR) di negara ini mendapat pendedahan dan penglibatan pakar-pakar antarabangsa, walaupun lebih tertumpu kepada penyakit di barat.

Justeru, beliau berharap kajian perubatan yang dijalankan di negara ini perlu memberi fokus kepada penyakit dihadapi majoriti rakyat.

"Saya masih ingat Allahyarham Profesor Dr Ungku Omar (Tokoh Perubatan Negara, Datuk Profesor Ungku Omar



Anwar (dua dari kanan) ketika perasmian CRM Trial Connect Conference 2025 di Kuala Lumpur pada Khamis.

Ungku Ahmad) masa itu mengatakan, kita harus melihat masalah kita dulu, masalah seperti cacing kerawit, malaria, batuk kering.

"Jadi dialihkan pemusatan IMR kepada pesakit-pesakit sekitar rantau ini, sementara bicara soal lain yang penting di dunia, tetapi tumpukan tentang masalah dihadapi majoriti rakyat di

negara kita," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri mengingatkan Kementerian Kesihatan (KKM) supaya memahami dasar ekonomi makro dalam kalangan kakitangan dan pembuat dasarnya bagi menangani 'penyakit ekonomi' di Malaysia.

Anwar berkata, dasar yang jelas harus menjadi asas dalam

kementerian itu, agensi, jabatan serta pusat penyelidikan bagi memastikan masalah ini diatasi dengan kaedah terbaik dan berkesan.

"Saya selalu katakan kepada Dr Dzulkefly (Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad), sila maklumkan kakitangan anda bukan sahaja untuk mengetahui tentang penyakit tetapi juga untuk memahami penyakit ekonomi, dasar-dasar ekonomi makro.

"Setiap kementerian, setiap jabatan, setiap pusat penyelidikan pasti mahu lebih banyak peruntukan tetapi anda perlu melihat kepada sekolah, infrastruktur luar bandar, klinik serta hospital dan cabaran ini mesti dihadapi secara adil, sama rata setelah memahami batasannya.

"Kita boleh mengeluarkan lebih banyak dana, tetapi kita perlu kenakan cukai lebih... tetapi apabila kita kenakan cukai lebih, ia menjadi beban bukan sahaja kepada orang ramai tetapi juga kepada doktor," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian m/s 6 Nasional 9/5/2025 (Jumaat)

Akta 723 terpakai untuk semua

Tiada sebarang pengecualian dalam sektor perniagaan termasuk klinik swasta

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



ARMIZAN

Penggunaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) (AKHAP) tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian.

Sebaliknya, tegas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, banyak sektor perniagaan yang sedia ada tertakluk kepada akta tersebut.

"Selagi mana anda menjual barangan kepada pengguna walau apa jenis sekali pun, Seksyen 10 memberi kuasa kepada Menteri KPDN untuk menetapkan peraturan pelabelan dan penandaan harga," katanya kepada *Sinar Harian*.

Malah ujar beliau, penggunaan AKHAP bagi pelaksanaan perintah penandaan harga ubat bukan kali pertama dikuatkuasakan untuk sektor kesihatan.

"Semasa penularan Covid-19, terdapat perintah yang dikeluarkan di bawah AKHAP bagi barangan seperti vaksin Covid-19 dan dua perintah yang masih berkuatkuasa adalah berkaitan pelitup muka serta kit ujian pantas antigen," jelasnya.

Menurut Armizan, dalam konteks hak universal pengguna tidak ada perbezaan darjat penjual

profesional atau penjual dalam kalangan peruncit.

"Bila perniagaan anda menjual barangan kepada pengguna, tanggungjawab kerajaan adalah untuk memastikan rakyat iaitu pengguna mempunyai hak akses kepada maklumat dan hak untuk membuat pilihan.

"Nasihat saya, apabila tiba masanya, pengguna perlu menggunakan hak mereka, memilih penjual yang menghormati dan mengiktiraf hak asas serta hak universal kepenggunaan," katanya.

Selasa lalu, kira-kira 200 doktor berhimpun di hadapan bangunan Perdana Putra untuk menyerahkan memorandum bantahan penggunaan Akta 723 yang dikuatkuasakan ke atas klinik swasta di seluruh negara.

Mereka mendakwa, akta tersebut tidak sesuai digunakan dalam persekitaran klinikal selain tiada rundingan dan libat urus dibuat mengenainya.

Sementara itu, Armizan menyatakan komitmen untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meneliti memorandum yang telah dikemukakan seperti diputuskan Kabinet.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian M/s 6 Nasional 9/5/2025 (Jumaat)

Beri peluang rakyat pilih kos ubat ikut kemampuan

SHAH ALAM - Keputusan kerajaan mewajibkan semua klinik dan farmasi komuniti mempamerkan harga mampu meningkatkan ketelusan, melindungi pengguna dan memastikan rakyat mendapat akses kepada ubat-ubatan pada kadar berpatutan.

Presiden Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung, Kesatuan Sekerja Kementerian Kesihatan Malaysia (MAPSU), Ajulahin Japin berkata, langkah proaktif berkenaan bukan hanya mampu melindungi pengguna, malah menaikkan sistem penyampaian dalam sektor kesihatan di seluruh negara.

Menurutnya, ketelusan harga ubat adalah satu keperluan penting dalam memastikan rakyat mendapat maklumat jelas, selain membolehkan mereka membuat pilihan rawatan bersesuaian dengan kemampuan masing-masing.

"Dasar ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk membudayakan amalan keterbukaan dan integriti dalam sistem penyampaian kesihatan.

"Langkah berkenaan juga sejajar dengan hasrat kerajaan meningkatkan kualiti hi-

dup rakyat dan memperkukuhkan kepercayaan kepada sistem kesihatan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai dasar baharu kerajaan yang melaksanakan Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Fasiliti yang terlibat termasuk semua kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] serta farmasi komuniti yang menjual, membekal atau memberikan ubat kepada pengguna.

Sementara itu, Ajulahin berkata, MAPSU turut menyokong pendekatan berhemah kerajaan memberi tempoh penyesuaian selama tiga bulan kepada pengamal perubatan dan fasiliti kesihatan swasta sebelum penguatkuasaan dilaksanakan.

"Ini menunjukkan kerajaan mengutamakan pendekatan inklusif, kolaboratif dan tidak bersifat menghukum dalam melaksanakan dasar yang menyentuh kepentingan awam," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Pemaparan harga ubat satu ketelusan, perkasa hak pengguna

Klinik swasta bukan peruncit tetapi masih terikat dengan prinsip terkandung dalam Akta 723

Oleh A'qilah Ridwan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan wajib memaparkan harga ubat di setiap kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti di seluruh negara mulai 1 Mei lalu bukan satu bentuk kawalan harga pasaran.

Timbalan Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Fatkhiah Khalil, berkata sebaliknya ia hanyalah satu keperluan untuk penyedia perkhidmatan memaparkan harga ubat secara jelas dan telus.

Beliau berkata, tujuan utama inisiatif itu untuk melindungi hak pengguna, meningkatkan ketelusan serta memperkukuh kepercayaan terhadap sistem kesihatan swasta.

Katanya, ini memberi ruang kepada pengguna membuat pilihan lebih bijak dan berdasarkan maklumat.

"Langkah itu dilaksanakan menerusi Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang dilihat dapat memastikan ketelusan

kos rawatan dan memberi pilihan kepada pengguna.

"Sebagai Kementerian yang inklusif dan terbuka, Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan pelbagai sesi libat urus sejak 2023 termasuk mempertimbangkan kepada hospital swasta untuk memaparkan satu atau dua harga bagi pesakit luar dan pesakit dalam.

"Pelaksanaan ini turut bersifat berperingkat dan berasaskan advokasi, supaya pelaksana mempunyai ruang masa serta sumber mencukupi untuk penyesuaian tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan," katanya kepada BH.

KKM melaksanakan peraturan baharu bermula 1 Mei lalu, yang mewajibkan semua klinik dan farmasi swasta memaparkan harga ubat-ubatan, dengan tujuan meningkatkan ketelusan serta membantu pengguna membuat pilihan berdasarkan harga.

Bagaimanapun, sebahagian pengamal perubatan swasta menyifatkan tindakan itu sebagai menyalahi peranan sebenar fasiliti perubatan yang bukan entiti peruncitan, selain mendakwa ia sepatutnya dilaksanakan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Fatkhiah berkata, pemaparan harga juga tidak mengganggu amalan perubatan doktor, pesakit yang pergi ke klinik atau hospital masih perlu diperiksa dan diberi konsultasi oleh dok-

Pelaksanaan ini turut bersifat berperingkat dan berasaskan advokasi, supaya pelaksana mempunyai ruang masa serta sumber mencukupi untuk penyesuaian tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan

Fatkhiah Khalil,
Timbalan Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi

tor, termasuk doktor menentukan rawatan sesuai.

"Menerusi Akta 723, 'barang' termasuk apa-apa jenis harta alih dan ini termasuk ubat-ubatan. Apabila pesakit menerima ubat selepas konsultasi, itu adalah transaksi barangan.

"Memang betul hospital dan klinik bukan kedai, tetapi dari sudut proses pembekalan ubat kepada pesakit, klinik atau hospital membekalkan ubat (produk) terus kepada pengguna akhir," katanya.

Justeru, katanya, pemaparan harga adalah satu bentuk ketelusan, tetapi memperkasa hak pengguna mendapatkan maklumat yang jelas.

Sementara itu, Profesor Pusat Kajian Undang-Undang Antarabangsa dan Siyar di Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata Akta 586 tidak mempunyai punca kuasa yang jelas untuk dikaitkan dalam pemaparan harga ubat.

"Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) lebih tertumpu kepada pelesenan dan pengawalan operasi fasiliti kesihatan swasta seperti klinik dan hospital.

"Ia (Akta 586) tidak mempunyai peruntukan khusus berkaitan pengurusan, penyimpanan, dan pembekalan ubat-ubatan, termasuk pemaparan harga ubat," katanya.

Akta 723 lebih sesuai

Beliau menegaskan, Akta 723 lebih sesuai kerana ia memang dibentuk untuk mengawal selia harga semua barangan termasuk ubatan dan keperluan penandaan harga.

"Cadangan untuk memasukkan elemen pemaparan harga ke dalam Akta 586 sebenarnya tidak wajar buat masa ini.

Katanya, walaupun klinik swasta bukan peruncit dalam erti kata tradisional, mereka tetap terbabit dalam urusan jual beli, terutamanya pembelian ubatan dan produk kesihatan.

"Walaupun klinik swasta bu-

kan peruncit dalam definisi umum, mereka masih terikat dengan prinsip yang terkandung dalam Akta 723, pembabitan penandaan harga ubat yang mereka bekalkan kepada pesakit pada suatu nilai transaksi tertentu (harga).

"Mereka mungkin melihat diri sebagai penyedia perkhidmatan profesional dan bukan peniaga, namun apabila mereka membekalkan ubat dengan kos tertentu, prinsip ketelusan harga tetap terpakai.

"Dalam hal ini, Akta 723 bertujuan memastikan ketelusan harga bagi semua jenis transaksi, termasuk yang membabitkan barangan perubatan dan ubat yang dibekalkan oleh klinik," katanya.

Sebarang aduan pengguna berkaitan isu harga ubat boleh disalurkan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KKM di <https://moh.spab.govmy/>, atau Portal eAduan KPDN: <https://e-aduan.kpdn.govmy/>



Noor Aziah



Tujuan utama inisiatif pelaksanaan wajib memaparkan harga ubat adalah untuk melindungi hak pengguna, meningkatkan ketelusan serta memperkukuh kepercayaan terhadap sistem kesihatan swasta.

(Foto hiasan)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro m/s 6 Lokal 9/5/2025 (Jumaat)

PENEMUAN BANGKAI BURUNG MERPATI DI IPOH

Tiada penyakit berjangkit dikesan

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan tiada penyakit berjangkit dikesan atau kematian baharu dilaporkan susulan penemuan sejumlah besar bangkai burung merpati di sekitar kawasan pancuran air di Padang Ipoh, Perak, baru-baru ini.

Dalam kenyataan semalam, JPV memaklumkan keputusan awal ujian terhadap tiga bangkai merpati bagi penyakit berjangkit Avian Influenza (AI), Newcastle Disease (ND) dan Adenovirus adalah negatif dan bukan faktor penyebab kematian haiwan terbabit.

"Bedah siasat mendapati merpati itu mempunyai kandungan perut yang penuh, dengan beberapa penemuan signifikan termasuk perubahan warna pada hati, kehadiran darah beku dalam rongga toraks serta pendarahan pada trakea dan paru-paru.

"Sampel organ dalaman seperti hati, jantung, buah pinggang, limpa, paru-paru, usus dan trakea telah dihantar untuk analisis makmal. Pada masa ini, ujian keracunan sedang dijalankan oleh Jabatan Kimia untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian," katanya.

JPV memaklumkan kesimpulan akhir kematian burung terbabit hanya dapat dibuat selepas menerima keputusan ujian keracunan daripada Jabatan Kimia.

"Sebagai langkah berjaga-jaga dan untuk melindungi keselamatan awam serta sektor penternakan negara daripada risiko penyakit bawaan haiwan, JPV akan terus menjalankan pemantauan terhadap situasi semasa di Padang Ipoh," katanya.

Orang ramai dinasihatkan segera melaporkan kepada JPV berhampiran atau terus menghubungi di talian 03-88702041 sekiranya menemui bangkai burung atau haiwan lain yang kelihatan luar biasa atau mencurigakan. - Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATIONAL

The Sun m1s 6 National 9/5/2025 (Jumaat)

Risks of natural delivery

► Having procedure despite opposing medical advice could endanger both mother and child: Obstetrician

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Expectant women are advised to prioritise medical advice and not risk their own health or their baby's in opting for natural delivery.

Delaying hospital care or ignoring professional recommendations can pose serious risks, especially when procedures such as caesarean sections are advised.

Universiti Putra Malaysia obstetrician and gynaecologist Dr Nurul Iftida Basri said proceeding with natural birth against medical recommendations could endanger both the mother and child, leading to life-threatening complications, including uterine rupture, severe bleeding or death.

"In general, forcing natural birth can result in obstructed labour. This puts the mother at risk of complications such as uterine rupture, exhaustion, and excessive bleeding," she said.

Her warning follows a tragic case in Indonesia involving a woman who declined surgical intervention despite medical advice against natural delivery due to health concerns.

She sought assistance from a well-known midwife and endured five days of labour without medical supervision.

Eventually, she developed breathing difficulties and was rushed to a hospital. Although she delivered the baby, the child tragically died five hours later.

"I didn't even get the chance to see my baby's face," she was quoted as saying.

Nurul Iftida added that babies delivered under such high-risk circumstances face numerous dangers, including scalp injuries, reduced oxygen to the brain (hypoxia), cerebral palsy, shoulder dystocia (in which the baby is stuck at the shoulders during delivery) and in the worst cases, death.

She emphasised that delayed decision-making during labour significantly decreases survival chances for both mother and baby.

"When obstructed labour occurs, the mother can become severely dehydrated, exhausted or suffer internal bleeding. Infection can also set in and spread throughout the



Nurul Iftida said social media has also contributed to the misinformation surrounding childbirth, adding that some women request natural births out of fear of surgery. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

body, leading to sepsis – a life-threatening condition."

She said certain warning signs should prompt immediate medical intervention, including abnormal bleeding, unusual odours in the amniotic fluid (liquor) or a sudden weakening of contractions.

"For the baby, changes in foetal heart rate or meconium-stained liquor are serious red flags," she said, adding that any delay in recognising these signs could jeopardise the baby's oxygen supply and chances of survival.

She also cautioned mothers considering alternative birthing centres, reminding them that in Malaysia, it is illegal for such centres to operate without a registered doctor.

Although midwives are legally recognised, they must work under a doctor's supervision.

"In many cases, the term 'midwife' is used to describe traditional birth attendants or 'bidan kampung', who are not registered, or 'doulas', who lack medical training to assist with deliveries.

"In general, women should not seek delivery services from 'bidan kampung', and it's important to understand that the role of a

'doula' is limited to emotional and physical support during labour, not the delivery itself."

Nurul Iftida said social media has also contributed to the misinformation surrounding childbirth, adding that some women request natural births out of fear of surgery, concerns that could be managed through proper consultation, pain relief options and psychological support.

"Some advocate natural birth as the best way to deliver. Some 'doulas' on social media tell the public that doctors are doing it wrong, which misleads the public."

However, she said the trend today is not one-sided, with some women opting for caesarean sections without any medical need.

For those who prefer natural birth, doctors typically schedule follow-up consultations to reassess the situation and provide appropriate counselling for both mother and baby.

"Unfortunately, many women who initially request natural births despite medical contraindications fail to attend follow-up appointments. Instead, they return in labour, insisting on natural delivery, even when it poses serious risks," she said.